



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP SALUR RM40 JUTA KEPADA USAHAWAN JOHOR SEMPENA KARNIVAL HEBATKAN PERNIAGAAN MALAYSIA (HPM)

KUALA LUMPUR, 9 JUN – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong telah menyampaikan cek cura pembiayaan, geran dan bantuan kewangan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) berjumlah hampir RM40 juta kepada usahawan, syarikat dan koperasi di Johor. Penyerahan tersebut disempurnakan sempena Karnival Hebatkan Perniagaan Malaysia (HPM) Tahun 2026 dan Mini Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Peringkat Negeri Johor.

Karnival yang berlangsung dari 5 hingga 7 Jun 2026 itu berjaya merekodkan jualan produk usahawan sebanyak RM240,000, menarik 11,563 pengunjung, serta membuka peluang padanan perniagaan bernilai sehingga RM6.394 juta yang melibatkan 19 usahawan. YB Steven Sim turut menyempurnakan majlis penutupan program tersebut.

Karnival HPM merupakan inisiatif KUSKOP di bawah agenda Hebatkan Perniagaan Malaysia yang dicetuskan oleh YB Steven Sim bagi memperkukuh budaya keusahawanan, memperluas jaringan perniagaan, serta meningkatkan akses PMKS dan koperasi kepada pelbagai bentuk sokongan pembangunan perniagaan. Program ini turut menyediakan platform pameran, promosi produk tempatan dan sesi bimbingan keusahawanan.

Sebagai Rakan Strategik Karnival HPM Tahun 2026, TikTok Shop turut menyokong usaha pendigitalan PMKS menerusi pelbagai inisiatif pemerkasaan usahawan. Program ini turut menyaksikan penyampaian Anugerah Top 5 Jutawan TikTok Shop kepada usahawan di bawah TEKUN Nasional yang berjaya mencatat jualan melebihi RM1 juta dalam tempoh setahun.

Bersempena dengan program ini, KUSKOP turut menganjurkan Program Halal Sukses KUSKOP Johor pada 6 dan 7 Jun 2026 dengan kerjasama Johor Halal Development Corporation (JHDC) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Program tersebut memberi pendedahan mengenai Pelan Kemajuan Halal Negeri Johor 2030, tatacara *Halal Green Lane* Johor, peluang jaminan pembiayaan perniagaan oleh SJPP, pemasaran digital oleh Maxis, serta strategi perniagaan melalui TikTok Shop.

Penganjuran di Johor merupakan lokasi pertama bagi Karnival HPM Tahun 2026. Seterusnya, Karnival HPM Tahun 2026 dan Showcase SDSI Peringkat Kebangsaan akan berlangsung dari 19 hingga 21 Jun 2026 di Morten Walk, Melaka.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Mohamad bin Alamin, serta Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimiee bin Daud.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
9 JUN 2026